

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 OKTOBER 2020
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

Pemulihan semula ekonomi beri petunjuk positif

PUTRAJAYA - Langkah kerajaan memulihkan ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19) melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin), Prihatin PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi (Penjana) dan Inisiatif Tambahan Khas: Kita Prihatin terus menunjukkan kesan yang positif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ia berdasarkan tiga statistik iaitu Prestasi Perdagangan Borong dan Runcit, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) serta Perangkaan Pembuatan Bulanan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi bulan Ogos yang telah menunjukkan peningkatan.

"Seiring dengan peningkatan indikator-indikator itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) turut melaporkan pengurangan dalam kes kehilangan pekerjaan (LOE) dan peningkatan dalam penempatan semula pekerja.




MUSTAPA

"Jumlah yang hilang pekerjaan juga semakin menurun iaitu sebanyak 7,388 orang dicatatkan pada September setelah mencecah kemuncak sebanyak 18,579 orang pada bulan Jun lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mustapa berkata, pada masa sama peningkatan dalam kadar penempatan semula pekerja meningkat iaitu mencapai 43 peratus pada September yang lalu, daripada kadar terendah iaitu enam peratus pada Jun lepas.

Perkembangan positif pemulihan ekonomi tersebut bermula pada Jun lalu apabila kerajaan membuka se-



mula semua sektor ekonomi selepas ditutup pada 19 Mac lepas.

"Kerajaan sedar bahawa keperluan untuk melindungi nyawa dan kehidupan rakyat adalah sama penting dan

harus diberikan perhatian yang utama.

"Justeru, kerajaan komited dalam memastikan kedua-dua aspek berkenaan sentiasa ditekankan," katanya.